

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC (BOM)

TAJUK Keterangan: Tajuk Projek/ Cadangan	Pengagihan nilai kontrak baharu bagi tahun 2022 untuk Program Penilaian Kesediaan Industry4WRD (RA) kepada Badan Penilai yang dilantik (<u>Peruntukan RMKe-12</u>).
TARIKH/ GARIS MASA Keterangan: Jadual mula dan akhir pelaksanaan projek/ cadangan	Jun 2022 sehingga Oktober 2022
TUJUAN & LATAR BELAKANG Keterangan: Tujuan dan penerangan ringkas mengenai projek	Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan dari Lembaga Pengurusan MPC berhubung pengagihan nilai kontrak baharu bagi tahun 2022 untuk Program Penilaian Kesediaan Industry4WRD (RA) kepada Badan Penilai (AB) yang dilantik. (Peruntukan RMKe-12). RA merupakan satu program yang diperkenalkan untuk melihat tahap kesediaan syarikat Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dalam mengadaptasi elemen industri 4.0 di dalam pengeluaran syarikat mereka. Program ini telah diperkenalkan pada penghujung tahun 2018 dan sehingga kini telah berjaya mengumpulkan sebanyak 1,056 syarikat PKS yang layak untuk dinilai dalam program RA.
JUSTIFIKASI Keterangan: Penjelasan yang menyokong kepada pelaksanaan projek/ cadangan	1. Untuk membantu PKS yang terlibat untuk meningkatkan tahap kecekapan operasi & pengeluaran mereka berasaskan elemen industri 4.0. 2. Untuk melihat tahap kesediaan syarikat PKS ke arah pelaksanaan industri 4.0 dan memberi peluang untuk memohon geran <i>Industry4WRD Intervention Fund</i> di MIDA. 3. Untuk memastikan syarikat PKS yang telah lulus permohonan RA dapat melaksanakan Program Penilaian Kesediaan Industry4WRD mengikut masa yang diberi.

KAEDAH PELAKSANAAN Keterangan: Kaedah yang perlu dilakukan bagi melaksanakan projek	Terdapat tiga (3) kaedah pelaksanaan sesi RA: i. Fizikal – Sesi RA akan dijalankan selama 2 hari di syarikat terlibat. ii. Hybrid – Sesi RA akan dijalankan sehari di syarikat dan sehari secara atas talian. iii. Online – Sesi RA akan dijalankan secara atas talian.																														
STAKEHOLDERS/ PIHAK BERKEPENTINGAN Keterangan: Pihak atau kumpulan yang menerima kesan positif mahupun negatif daripada projek yang dijalankan	1. EPU 2. MITI 3. MIDA 4. PKS yang terlibat dengan program RA																														
JANGKAAN HASIL/ OUTCOME Keterangan: Apa yang MPC perlu capai/ faedah-faedah jangka pendek dan jangka panjang hasil dari intervensi projek/ cadangan	Meningkatan adaptasi teknologi dan merapatkan jurang industri 4.0 serta menambah bilangan penyertaan RA dikalangan PKS.																														
JANGKAAN OUTPUT Keterangan:Output ketara dan tidak ketara yang dihasilkan daripada aktiviti projek/ cadangan.	Penyertaan 145 syarikat yang melaksanakan RA bagi tahun 2022 dengan menggunakan peruntukkan RMKe-12.																														
KUMPULAN SASAR Keterangan: Individu/ kumpulan yang menerima faedah daripada projek/ cadangan	Kumpulan sasar adalah dari Sub Sektor: 1. <i>Electrical and Electronics (E&E);</i> 2. <i>Machinery and Equipment (M&E);</i> 3. <i>Chemical;</i> 4. <i>Medical Devices;</i> 5. <i>Aerospace; dan</i> 6. Sektor-sektor pembuatan																														
SUMBER BAJET/ KOS Keterangan: Sumber bajet / jumlah kos yang terlibat.	Sumber Bajet: Usahasama - Industri 4.0 Kos: RM2,537,500.00 (perincian seperti dilampiran) <table><tr><th>NO</th><th>BADAN PENILAI</th><th>JUMLAH</th></tr><tr><td>1.</td><td>SIRIM BERHAD</td><td>1,050,000.00</td></tr><tr><td>2.</td><td>RESPECT</td><td>350,000.00</td></tr><tr><td>3.</td><td>TUV-SUD</td><td>350,000.00</td></tr><tr><td>4.</td><td>Yokogawa Kontrol</td><td>175,000.00</td></tr><tr><td>5.</td><td>WSP Engineering</td><td>175,000.00</td></tr><tr><td>6.</td><td>Intertek</td><td>175,000.00</td></tr><tr><td>7.</td><td>MARii</td><td>175,000.00</td></tr><tr><td>8.</td><td>YNY Technology</td><td>87,500.00</td></tr><tr><td></td><td>JUMLAH</td><td>2,537,500.00</td></tr></table>	NO	BADAN PENILAI	JUMLAH	1.	SIRIM BERHAD	1,050,000.00	2.	RESPECT	350,000.00	3.	TUV-SUD	350,000.00	4.	Yokogawa Kontrol	175,000.00	5.	WSP Engineering	175,000.00	6.	Intertek	175,000.00	7.	MARii	175,000.00	8.	YNY Technology	87,500.00		JUMLAH	2,537,500.00
NO	BADAN PENILAI	JUMLAH																													
1.	SIRIM BERHAD	1,050,000.00																													
2.	RESPECT	350,000.00																													
3.	TUV-SUD	350,000.00																													
4.	Yokogawa Kontrol	175,000.00																													
5.	WSP Engineering	175,000.00																													
6.	Intertek	175,000.00																													
7.	MARii	175,000.00																													
8.	YNY Technology	87,500.00																													
	JUMLAH	2,537,500.00																													
HASIL (RM) - SEKIRANYA ADA Keterangan: Pendapatan yang diterima daripada projek	- Tiada -																														

1.0 LATARBELAKANG

- 1.1 Penilaian Kesediaan Industry4WRD (RA) merupakan satu program yang diperkenalkan untuk melihat tahap kesediaan syarikat Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dalam mengadaptasi elemen industri 4.0 di dalam pengeluaran syarikat mereka. Program ini telah diperkenalkan pada penghujung tahun 2018 dan sehingga kini telah berjaya mengumpulkan sebanyak 1,056 syarikat PKS yang layak untuk dinilai dalam program RA.
- 1.2 Justifikasi baki kewangan Penilaian Kesediaan Industry4WRD RMKe-12 secara keseluruhannya adalah seperti berikut:
- Untuk tahun 2022, dana RMKe-12 diperuntukan sebanyak RM2,210,000 juta kepada MPC dengan agihan KPI sebanyak 145 syarikat untuk tujuan program RA.
 - Sebanyak RM400,000 baki dari dana RA tahun 2021 akan dibawa ke tahun 2022.

**Jadual 1: Justifikasi Baki Kewangan
Penilaian Kesediaan Industry4WRD 2022**

Perkara	Butiran (RM)	KPI (Bilangan Syarikat)
Peruntukan RMKe-12	2,210,000.00	145
Baki Dana RA 2021	400,000.00	
Jumlah keseluruhan (RMKe-12 + Baki Dana RA 2021)	2,610,000.00	145

- Anggaran perbelanjaan bagi mencapai KPI bilangan 145 syarikat bagi program RA untuk tahun 2022 adalah sebanyak 2,537,500.00. Anggaran ini berdasarkan kiraan harga RA bagi setiap syarikat adalah RM17,500.00.

Jadual 2: Anggaran Perbelanjaan 2022

Perkara	Butiran (RM)
Jumlah keseluruhan (RMKe-12 + Baki Dana RA 2021)	2,610,000.00
Anggaran perbelanjaan (RM17,500 x 145)	2,537,500.00
Baki perbelanjaan	72,500.00

Nota – Baki perbelanjaan sebanyak RM72,500.00 akan dikira sebagai penjimatan.

2.0 PECAHAN NILAI KONTRAK BAGI SETIAP BADAN PENILAI

2.1 Terdapat lapan (8) Badan Penilai telah dilantik bagi mengendalikan program Penilaian Kesediaan Industry4WRD seperti berikut:

- i. Sirim Berhad
- ii. Malaysia Automotive, Robotics and IoT Institute (MARii)
- iii. RESPECT Business And Advanced Technology Solutions Sdn. Bhd.
- iv. TUV-SUD Malaysia Sdn. Bhd.
- v. YNY Technology Sdn. Bhd.
- vi. Intertek Certification International Sdn. Bhd.
- vii. WSP Engineering Malaysia Sdn. Bhd.
- viii. Yokogawa Kontrol (Malaysia) Sdn. Bhd.

2.2 Jadual 1 menunjukkan nilai kontrak yang akan diagihkan kepada setiap Badan Penilai yang terlibat.

Jadual 3: Pecahan Nilai Kontrak

Bil.	Badan Penilai	Nilai Kontrak (RM)
1.	SIRIM BERHAD	1,050,000.00
2.	RESPECT	350,000.00
3.	TUV-SUD	350,000.00
4.	Yokogawa Kontrol	175,000.00
5.	WSP Engineering	175,000.00
6.	Intertek	175,000.00
7.	MARii	175,000.00
8.	YNY Technology	87,500.00
	JUMLAH	2,537,500.00

2.3 Setiap Badan Penilai yang dilantik perlu memastikan program Penilaian Kesediaan Industry4WRD (RA) ke atas syarikat PKS yang telah diluluskan bagi tempoh sehingga 31 Oktober 2022 dilaksanakan dalam tahun 2022.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN PENILAIAN KESEDIAAN INDUSTRY4WRD

3.1 Terdapat tiga (3) kaedah pelaksanaan sesi RA:

- i. Fizikal – Sesi RA akan dijalankan selama 2 hari di syarikat terlibat.
- ii. Hybrid – Sesi RA akan dijalankan sehari di syarikat dan sehari secara atas talian.
- iii. Online – Sesi RA akan dijalankan secara atas talian.

3.2 Kos Pelaksanaan Penilaian RA untuk Syarikat yang diluluskan pada 2022 adalah mengikut zon dan kaedah seperti jadual dibawah:

Jdual 4: Kos Pelaksanaan Penilaian RA
(Tidak termasuk harga 6% cukai perkhidmatan)

Badan Penilai	Zon	Fizikal (RM)	Hybrid (RM)	Online (RM)	Non-SME (RM)
SIRIM Berhad	Zon A	14,850.00	14,256.00	12,870.00	18,000.00
	Zon B	16,830.00	16,236.00		20,000.00
	Zon C	19,800.00	19,206.00		23,000.00
MARii	Zon A	14,250.00	14,255.00	12,675.00	18,000.00
	Zon B	16,150.00	16,235.00		20,000.00
	Zon C	19,000.00	19,205.00		23,000.00
RESPECT	Zon A	14,250.00	14,250.00	12,750.00	18,000.00
	Zon B	15,300.00	16,200.00		20,000.00
	Zon C	18,000.00	19,000.00		23,000.00
YNY Technology Sdn Bhd	Zon A	14,550.00	14,200.00	12,800.00	18,000.00
	Zon B	16,660.00	16,200.00		20,000.00
	Zon C	19,600.00	19,200.00		23,000.00
TUV SUD Sdn Bhd	Zon A	13,500.00	14,250.00	12,950.00	18,000.00
	Zon B	15,300.00	16,150.00		20,000.00
	Zon C	18,000.00	19,150.00		23,000.00
Intertek Certification International Sdn Bhd	Zon A	14,250.00	14,112.00	12,740.00	18,000.00
	Zon B	16,150.00	16,072.00		20,000.00
	Zon C	19,000.00	19,012.00		23,000.00
WSP Engineering (Malaysia) Sdn Bhd	Zon A	14,250.00	13,900.00	12,500.00	18,000.00
	Zon B	16,500.00	16,150.00		20,000.00
	Zon C	19,750.00	19,150.00		23,000.00
Yokogawa Kontrol Malaysia Sdn Bhd	Zon A	14,000.00	13,680.00	12,350.00	18,000.00
	Zon B	16,000.00	15,580.00		20,000.00
	Zon C	19,080.00	18,430.00		23,000.00

Badan Penilai yang mengenakan 6% cukai perkhidmatan seperti berikut:

- i. YNY Technology Sdn Bhd
- ii. TUV SUD Sdn Bhd
- iii. Intertek Certification International Sdn Bhd
- iv. WSP Engineering (Malaysia) Sdn Bhd
- v. Yokogawa Kontrol Malaysia Sdn Bhd

ZON A: Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan & Selangor

ZON B: Johor, Kelantan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis & Kedah, Terengganu

ZON C: East Malaysia (Sabah, Sarawak)